

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG
WEI SHIEN [JULAU]

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh manakah liputan *connectivity* internet menggunakan teknologi satelit MEASAT serta berapa kadar harga data dan berapa ringgit subsidi Kerajaan terutama sekali di luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, MEASAT menyediakan 100% liputan internet kepada seluruh pelusuk geografi Malaysia melalui teknologi satelit. Melalui perkhidmatan CONNECTme NOW yang inovatif, komuniti yang berada di luar liputan 4G atau gentian optik juga dapat menikmati perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi secara pra-bayar.

Sehingga kini, MEASAT telah memasang lebih daripada 2,000 prasarana CONNECTme NOW WiFi hotspot dan kerja pemasangan masih diteruskan terutamanya di kawasan terpencil dan di pedalaman Sabah dan Sarawak.

Pengguna boleh mengakses internet melalui prasarana WiFi hotspot yang telah dipasang dengan hanya membeli baucar pra-bayar '*Prepaid Access Code (PAC)*' yang bernilai RM10 untuk data 1GB sehingga RM40 untuk data 5GB.

Buat masa ini, tiada subsidi kerajaan yang diberikan kepada perkhidmatan CONNECTme. Walau bagaimanapun, MEASAT dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovatif (KSTI), Sabah telah memilih sebanyak 50 buah tapak di Sabah bagi pemasangan perkhidmatan CONNECTme di mana sejumlah RM3,000 (*one-off*) diperuntukkan bagi setiap tapak sebahagian dari inisiatif pihak KSTI untuk merapatkan jurang digital di Sabah. Di samping itu, MEASAT baru sahaja dilantik oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai pembekal pemberian perkhidmatan sejagat untuk menyediakan perkhidmatan CONNECTme secara percuma di kawasan terpencil dan pedalaman Sabah bermula penghujung November 2021.